

Perjanjian Pengukuhan British di Negeri Melayu Lain

1

Perjanjian British-Sungai Ujong 1874

- Dato' Kelana diiktiraf sebagai pemerintah Sungai Ujong.
- British mempunyai kuasa penuh untuk memungut cukai di Sungai Linggi

2

Perjanjian British-Selangor 1875

- British membantu Sultan Selangor memerintah negeri.
- British menghantar J.G.Davidson menetap di Klang dan Frank Swettenham menetap di Langat untuk membantu pentadbiran Selangor.

3

Perjanjian British-Pahang 1887

- British bertanggungjawab menjaga keamanan Pahang.
- British menempatkan seorang wakil, iaitu Hugh Clifford yang mempunyai kuasa seperti pegawai konsul di Pahang.
- Pahang tidak dibenarkan membuat perjanjian dengan kerajaan asing tanpa kebenaran British

4

Perjanjian British-Negeri Sembilan 1895

- Perjanjian antara Gabenor Negeri-negeri Selat bagi pihak Kerajaan British dengan Undang Luak-Luak yang selepas itu dinamakan Negeri Sembilan pada tahun 1895.
- Bagi mengesahkan pelbagai perjanjian terdahulu yang bertulis dan tidak bertulis, Yam Tuan Besar Seri Menanti dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tampin telah bersetuju meletakkan diri mereka dan Luak mereka di bawah naungan Kerajaan British.
- Undang Luak-luak tersebut bersetuju membentuk sebuah negeri gabungan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan dan mereka akan dibantu oleh seorang Residen British dalam mentadbir kerajaan gabungan tersebut.
- Mereka mengaku akan mematuhi nasihat Residen dalam semua hal pentadbiran kecuali yang menyentuh agama Islam